



# **TEKS UCAPAN PRESIDEN ANGKASA YBHG DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT  
AGUNG KALI PERTAMA KOPERASI  
KEMAJUAN SG PADI LIPIS BERHAD**

**2 JULAI 2023 | 10.00 PAGI  
BALAI RAYA KAMPUNG ORANG ASLI  
SUNGAI PADI KUALA LIPIS**

Terima kasih Saudara/Saudari  
pengacara majlis,  
(Salutasi)

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh Salam Sejahtera, Salam  
Malaysia Madani, dan Salam Koperasi

## Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian

1. Salam dan syukur diucapkan kerana kita semua dapat berkumpul bersama – sama pada hari ini bagi menjayakan Mesyuarat Kali Pertama **KOPERASI KEMAJUAN SG PADI LIPIS BERHAD**. Saya berasa amat berbangga dengan

inisiatif anda menubuhkan koperasi ini dan yakin usaha ini pasti akan membawa perubahan positif kepada kehidupan masyarakat di sini.

2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada warga koperasi kerana menjemput saya untuk merasmikan mesyuarat pada hari ini. Sebagai

koperasi yang mula bertapak dalam sektor ini, ANGKASA sebagai badan puncak yang diberi tanggungjawab merangsang perniagaan koperasi akan menghulurkan bantuan dalam merealisasikan harapan anda semua melalui penubuhan koperasi ini.

## **Para hadirin yang dihormati sekalian**

3. Berkumpulnya kita pada hari ini tidak lain adalah usaha mewujudkan platform bagi memenuhi keperluan sosiekonomi anggota koperasi dan komuniti orang asli yang tinggal di sini melalui aktiviti keushawanan,

4. Koperasi, pada dasarnya, adalah organisasi yang dibentuk oleh sekumpulan individu yang mempunyai matlamat dan aspirasi yang dikongsi bersama. Ia adalah entiti demokratik di mana anggota bergabung tenaga untuk menangani keperluan dan kepentingan bersama mereka. Dengan mengumpulkan sumber dan

bekerjasama, koperasi memperkasakan ahli mereka dan menggalakkan kemandirian ekonomi.

5. Di mana – mana negara sekalipun, gerakan koperasi memainkan peranan penting dalam meningkatkan ekonomi anggota dan menyumbang kepada keutuhan komuniti dalam

mendepani pelbagai bentuk cabaran. Ia adalah platform terbaik yang memupuk pertumbuhan ekonomi, penciptaan pekerjaan, dan kesejahteraan keseluruhan ahlinya.

6. Melalui koperasi ini, komuniti tuan – tuan dan puan – puan dapat berganding bahu untuk meningkatkan

keupayaan ekonomi dengan memanfaatkan kekuatan kolektif, dari segi tenaga, kepakaran dan yang paling penting sumber modal yang diperlukan untuk menggerakkan aktiviti keusahawanan.

7. Model koperasi memberikan kita suara, dan mengambil bahagian

secara aktif dalam proses perundingan serta membuat keputusan, dan menggerakkan tindakan secara bersama bagi mengatasi halangan yang menghalang kemajuan kita semua.

8. Untuk makluman anda semua, di Malaysia ada 91 buah koperasi,

dengan keanggotaan seramai 12,072 orang, syer/yuran sebanyak RM2.3 juta, Aset sebanyak RM9.78 Juta dan Perolehan sebanyak RM4.27 Juta. Ini adalah perangkaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga Disember 2022.

9. Saya yakin, dengan penubuhan koperasi ini, angka – angka ini akan dapat ditambah baik lagi melihatkan kepada objektif – objektif yang telah dimaklumkan oleh Tok Batin melalui ucapannya sebentar tadi.
10. Tambahan pula, koperasi ini juga akan berfungsi sebagai platform penting

untuk pembangunan kemahiran dan pembinaan kapasiti modal insan yang mempunyai kemahiran kusahawan dan juga kepimpinan yang dapat meningkatkan keberdayaan koperasi dalam landskap ekonomi pada masa kini.

11. Koperasi orang asli juga mampu untuk menjana pendapatan daripada warisan budaya kita yang kaya. Dengan meraikan tradisi kita dan mempromosikan pelancongan budaya, koperasi akan menyumbang kepada pembangunan holistik komuniti kita dan secara tidak

langsung mempromosikan warisan budaya kita.

12. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan yang telah menyokong dan menjayakan agenda penubuhan koperasi ini. Saya percaya dengan tertubuhnya koperasi ini akan

menjadi satu anjakan baharu kepada kehidupan komuniti di sini.

13. ANGKASA berharap koperasi ini akan bersama – sama dengan ANGKASA untuk menjadi wadah kepada kesejahteraan dan pembangunan sosiekonomi yang berkesan, mampan dan inklusif buat komuniti di sini.

14. Saya dengan ini merasmikan Mesyuarat Kali Pertama **KOPERASI KEMAJUAN SG PADI LIPIS BERHAD.**

Sekian, terima kasih.